



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

INSIDEN MEMBABITKAN PELANCONG DARI TAIWAN YANG BERLAKU DI SEMPORNA, SABAH

PUTRAJAYA, 24 Julai 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memandang serius insiden membabitkan seorang pelancong dari Taiwan yang dikasari oleh seorang jurulatih selam bebas di Semporna, Sabah pada 23 Julai 2025. Kejadian ini juga dikaitkan dengan sebuah syarikat pengendali pelancongan berlesen di bawah MOTAC.

MOTAC menghargai tindakan segera pihak polis yang telah menahan suspek untuk siasatan lanjut. Kes ini sedang disiasat di bawah peruntukan undang-undang berkaitan dan MOTAC akan terus memantau perkembangan siasatan dengan teliti.

Dalam masa yang sama, MOTAC turut menjalankan siasatan terhadap syarikat pengendali pelancongan terlibat dan akan mengambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] sekiranya didapati berlaku sebarang pelanggaran peruntukan undang-undang.

MOTAC menegaskan bahawa semua pengusaha pelancongan perlu mematuhi undang-undang, menjaga profesionalisme serta memastikan keselamatan pelancong diberi keutamaan dalam semua aspek perkhidmatan yang ditawarkan.

Keselamatan pelancong, sama ada tempatan atau antarabangsa, sentiasa menjadi keutamaan demi mengekalkan reputasi Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

